

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(IV)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

27. Pengguna pejalan kaki yang ramai di Jalan Bukit Gambir selepas Universiti Sains Malaysia (USM). Adakah Jabatan Kerja Raya (JKR) mempunyai cadangan membina jejantas pejalan kaki?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

27. Untuk makluman, sepanjang Jalan Bukit Gambir telah terdapat 3 jejantas pejalan kaki iaitu di lokasi seperti berikut:

- i. Berhampiran kampus utama Universiti Sains Malaysia (USM) menghubungkan desasiswa;
- ii. Berhampiran Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jambul/Jabatan Pendidikan Negeri (JPN); dan
- iii. Berhampiran Taman Bukit Jambul

Pada masa ini pihak JKR tiada cadangan untuk membina jejantas pejalan kaki yang baharu di kawasan Jalan Bukit Gambir selepas USM.